

13 MAY 1996

VID-PUBLIC BANK BUKA CAWANGAN KEEMPAT DI VIETNAM

Oleh: Abdul Rachman Nordin

HANOI, 13 Mei (Bernama) -- VID-Public Bank, sebuah institusi perbankan usaha sama Malaysia-Vietnam yang menguntungkan, dijadual membuka cawangan keempatnya minggu depan di Haiphong, sebuah bandar pelabuhan utama di utara Vietnam.

Menurut para pegawai hari ini, Duta Besar Malaysia ke Vietnam Cheah Sam Kip dijadual membuka cawangan itu, di 56, Dien Bien Phu Street, untuk memberi khidmat kepada pertumbuhan ekonomi bandar raya itu.

Haiphong, 103 km dari sini, telah memikat lebih daripada 45 projek dengan cadangan pelaburan asing berjumlah AS\$924 juta (RM2.3 bilion) tahun lepas.

VID-Public Bank adalah bank usaha sama asing yang pertama diberi kelulusan membuka empat cawangan di Vietnam.

Ia memulakan operasi di sini dalam Mei 1992 dan berkembang ke bandar raya Ho Chi Minh dalam April 1993 dan ke Danang dalam April 1994.

Tahun lepas, bank memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak AS\$2.57 juta (RM6.42 juta) atau meningkat 144.76 peratus berbanding keuntungan 1994, dan ia diberi taraf kedudukan sebagai antara lima bank yang dimiliki penuh atau usaha sama yang terbaik di Vietnam oleh Bank Negara Vietnam.

Sehingga bulan ini, terdapat 65 bank asing yang menjalankan cawangan berlesen penuh atau mengadakan pejabat wakil di Vietnam.

Maybank, bank terbesar di Malaysia, juga mempunyai cawangan milik penuh di sini yang dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac lepas. -- BERNAMA

RN SIA